



LAPORAN LIPUTAN MEDIA KHAMIS , 18 JANUARI 2018

- 1. PADI HARAM DIBONGKAR- UM, MUKA UTAMA**
- 2. BENIH BLACK MADRAS DIKHUATIRI ANCAM PADI TEMPATAN- UM, 4**
- 3. ISU PADI ANGIN KE KEMENTERIAN – BH, 67**
- 4. PESAWAH PADI ANGIN DIMINTA LAPOR MADA – HM, 29**
- 5. KERAJAAN KURANG KUATA BENIH PADI – HAKAH, 18**
- 6. NEED FOR STUDY TO OVERCOME WEEDY RICE MENACE – MALAYSIA DIGEST, ONLINE**
- 7. PERLIS PANDANG SERIUS PADI ANGIN – UTUSAN, ONLINE**
- 8. APMM TAHAN DUA BOT NELAYAN TEMPATAN GUNA PUKAT BUBU NAGA TANGKAP IKAN – KOSMO , 15**
- 9. SINDIKET CURI SARANG WALIT TUMPAS – SINAR HARIAN, 38**
- 10. MALAYSIA IN FINAL DISCUSSIONS WITH CHINA OVER LIFTING OF BAN – NST (SABAH & SARAWAK), 2**
- 11. FATE OF ABUSED DOG FURBY UNCERTAIN – SUN, 10**

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	UTUSAN MALAYSIA	EKSklusif	MUKA UTAMA



PENANAMAN padi varieti Black Madras (kiri) di Arau, Perlis, yang dikesan Jabatan Pertanian semalam apabila benihnya dijual melalui laman sosial Facebook. - MEDIA SOSIAL

Padi haram dibongkar

- Segelintir petani di Perlis dikesan tanam padi yang benihnya dibawa masuk secara haram.
- Padi Black Madras dari Korea Selatan dikatakan lebih tahan penyakit, hasilkan beras kurang kanji.
- Jabatan Pertanian pandang serius kerana benih yang dibawa masuk tanpa kebenaran boleh bawa penyakit berbahaya dan ancam padi tempatan.

“Kita pernah berhadapan dengan masalah penyakit karah batang dan hawar daun bakteria ekoran kemasukan benih padi haram dari Pakistan dan Vietnam, yang sukar dihapuskan sehingga kini dan jejas hasil tanaman padi tempatan.

ZULKEFLI AMIN MAT JUSOH
Pengarah Pertanian Perlis

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	UTUSAN MALAYSIA	EKSKLUSIF	4

Benih Black Madras dikhuatiri ancam padi tempatan

EKSKLUSIF

■ KUALA LUMPUR 17 JAN.

JABATAN Pertanian negeri membongkar kegiatan penanaman padi Black Madras, sejenis padi asing berwarna hitam dikatakan berasal dari Korea, yang ditanam secara haram di Tambun Tulang di sini.

Tanaman yang benihnya dipercayai dibawa masuk secara haram melalui kapal terbang itu, dikesan agensi tersebut setelah pemiliknya mula mengiklankan penjualan benihnya di Facebook beberapa hari lalu.

Berikutan itu, ramai pihak yang menyatakan minat untuk membeli benih tersebut yang dikatakan lebih tahan penyakit, berkualiti dan kurang kanji berbanding padi biasa.

Namun ramai yang tidak sedar perbuatan itu mendedahkan padi tempatan kepada serangan pelbagai jenis penyakit baharu yang dibawa dari luar negara.

Pengarah Pertanian negeri, Zulkefli Amin Mat Jusoh berkata, pihaknya memandang serius perbuatan membawa masuk benih tanaman dari luar negara tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa.

Kata beliau, pihaknya dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) hanya membenarkan kemasukan benih bagi tujuan tertentu seperti penyelidikan.

"Kita bimbang, kemasukan benih padi asing secara haram tanpa melalui pemeriksaan dan kuarantin akan membawa masuk sama penyakit-penyakit.

"Beberapa tahun lepas, kita berhadapan dengan masalah penyakit karah batang dan hawar daun bakteria (BLB) ekoran kemasukan benih padi secara haram dari Pakistan dan Vietnam, yang



PEGAWAI Jabatan Pertanian Perlis meninjau lokasi penanaman padi Black Madras secara haram di Kangar, Perlis, semalam.

sehingga kini sukar dihapuskan dan telah menjejaskan hasil tanaman padi tempatan.

"Kira-kira 10 tahun lalu, kita juga berhadapan penyakit padi merah yang disebabkan sejenis virus daripada benih padi yang dibawa masuk secara haram dari Thailand," katanya ketika dihubungi.

Zulkefli Amin berkata, pihaknya kini membanteras kegiatan pihak tertentu yang mahu mengaut keuntungan segeta melalui penjualan benih seperti padi dan durian asing secara haram.

Beliau melahirkan kebimbangan kerana urusan penjualan benih-benih itu yang dijalankan melalui

laman-laman sosial kini menjadi lebih mudah dan boleh merebak sehingga ke seluruh negara.

Katanya, berdasarkan pemeriksaan pihaknya terhadap padi Black Madras itu, tanaman tersebut ditanam di kawasan seluas 0.4 hektar untuk tujuan penghasilan benih yang dianggarkan dijual kira-kira RM5 sekilogram.

"Kawasan itu kini dikuarantin bagi mengelak kemungkinan penyakit padi merebak ke tanaman padi tempatan.

"Individu yang menanam padi ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 jika sabit kesalahan," katanya.

Padi Black Madras

■ Daun berwarna ungu dan hijau, dari jauh kelihatan hitam

■ Warna beras putih dengan saiznya pipih dan lebih panjang berbanding beras tempatan

■ Mempunyai kandungan kanji lebih rendah



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	BERITA HARIAN	WILAYAH	67

Isu padi angin ke kementerian

Arau: Kerajaan negeri akan menentengahkan masalah padi angin yang menjejaskan 148 hektar sawah di negeri ini, kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk diatasi segera.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man, berkata pesawah yang menjadi mangsa perlu membuat laporan kepada Jabatan Pertanian negeri sebelum perkara itu dibawa ke pengetahuan kementerian. "Kita perlu tahu berapa ramai yang terabit dan jumlah kerugian dialami sebelum kita bawa ke pihak bertanggungjawab.

"Pendekatan kepada penyelesaian itu bukan semata-mata berbentuk bantuan, malah

perlukan kajian bagi memastikan masalah ini tidak berulang," katanya pada program bantuan kepada penduduk Arau di Kampung Katong, semalam.

Pesawah kerugian

Sebelum ini, seramai 30 pesawah di Guar Sanji, dekat sini dilaporkan mengalami kerugian RM200,000 selepas 115 hektar tanaman padi mereka rosak berikutan masalah padi angin.

Masalah sama turut berlaku di Sungai Baru Tengah, dekat Kangar, apabila 16 pesawah mendakwa mengalami kerugian RM70,000 selepas lebih 33 hektar tanaman terjejas akibat keadaan sama.



Azlan (tengah) menyampaikan sumbangan mesin rumpuk kepada penduduk Penyampai Sumbangan dan Bantuan di Kampung Katong, Pauh.

Tawaran Khas
Bumiputera



KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT

SIAP DENGAN
CCC/CF



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	HARIAN METRO	SETEMPAT	29



AZLAN (tengah) pada Majlis Penyampaian Sumbangan dan Bantuan di Kampung Katong, semalam.

Pesawah padi angin diminta lapor MADA

Arau: Masalah padi angin yang menjejaskan 148 hektar tanaman padi di negeri ini akan dirujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam masa terdekat supaya dapat diatasi segera.

Menteri Besar Datuk Seri Azlan Mani berkata, kerajaan negeri memandang serius masalah itu yang menyebabkan pendapatan petani terjejas teruk.

Beliau berkata, pihaknya meminta semua petani yang terjejas segera membuat laporan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Jabatan Pertanian sebelum perkara itu dapat dirujuk kepada kementerian.

“Kita perlu tahu jumlah

sebenar petani yang berdepan masalah padi angin di negeri ini sebelum merujuk kepada kementerian.

“Kerajaan negeri akan mengusulkan kepada kementerian untuk mempertimbangkan sedikit bantuan kewangan kepada petani terbabit,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis bantuan mesin rumput dan perkakas perniagaan kepada penduduk di Kampung Katong, semalam.

Azlan turut menasihati pesawah supaya sentiasa mengikut saranan dan panduan pihak MADA dan Jabatan Pertanian dalam penanaman padi bagi mendapatkan hasil yang baik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	HARAKAH	UTARA	18

Kerajaan kurang kuota benih padi

Oleh NOOR SARA MASHITOH

KANGAR: Pengurangan kuota benih padi di Perlis daripada 82,000 tan kepada 60,000 tan semusim menyebabkan pesawah terpaksa membeli benih padi di pasaran luar.

Pesawah perlu mengusahakan sawah biar pun berdepan masalah kekurangan benih bagi mengelakkan sawah terbiar dan menjejaskan pendapatan mereka.

Bagaimanapun benih padi yang dibeli di pasaran luar mendatangkan masalah kepada pesawah apabila kurang berisi.

Adun Sanglang, Mohd Shukri Ramli berkata, hasil padi yang dituai sekarang kurang disebabkan masalah padi angin kerana benih

dibekalkan kerajaan tidak mencukupi.

"Pesawah terpaksa membeli benih padi yang haram biar pun harganya mahal untuk memastikan sawah tidak terbiar," katanya di sini Rabu lepas.

Sebelum itu beliau bersama pimpinan PAS Perlis meninjau keadaan padi angin di bendang yang menjejaskan pendapatan pesawah.

Menurutnya masalah itu berlaku kerana pesawah menghadapi masalah mendapat hekalan benih padi yang sah daripada agensi kerajaan.

"Sudahlah bekalan benih tidak mencukupi, harga yang dijual kepada pesawah pula mahal daripada harga biasa.

"Harga benih meningkat kepada RM35 dan RM55 berdasar kepada



Adun Sanglang bersama petani menunjukkan padi angin yang tidak membuah hasil.

gred sehingga membebankan pesawah khususnya di Sanglang.

"Dalam masa yang sama juga benih padi haram turut dijual di pasaran," katanya.

Kata beliau juga pesawah turut menanggung beban hutang memba-

jak sawah, menuai dan kos lain bagi meneruskan penanaman padi.

Oleh itu Mohd Shukri berharap kerajaan menangani masalah itu kerana majoriti pesawah padi di Perlis sekarang agak tertekan dengan masalah tersebut.

ARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	MALAYSIADIGEST	NEWS	ONLINE

Need For Study To Overcome Weedy Rice Menace - Azlan



ARAU -- An immediate study should be conducted to address the problem of 'padi angin' or weedy rice (wild parasitic plant) infesting rice fields in the state, thus affecting the farmers' harvests.

Perlis Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man advised farmers to report the problem at once to the Department of Agriculture to enable complete information to be collected and follow-up action taken.

"Weedy rice has become immune to poison via a mutation process. A study is needed to find out how to overcome the problem," he told reporters after handing over business tools to eight residents in Pauh state constituency in Kampung Katong here, today.

Azlan said the state government would bring up the matter to the federal government for consideration of assistance to reduce the burden of farmers affected by the weedy rice menace.

Yesterday, the media reported that about 7,000 farmers involving an area of 15,000 hectares in Perlis and Kedah were affected, as their padi fields were infested with weedy rice.

Muda Agricultural Development Authority's Corporate Communications head here, Mohd Hafizi Zakaria reportedly said, the problem was believed to be due to rising rainfall and the use of low quality seeds.

-- BERNAMA

ARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	UTUSAN	WILAYAH	ONLINE

Perlis pandang serius padi angin

Cari mekanisme terbaik selesaikan masalah petani



ARAU 17 Jan. - Kerajaan negeri memandang serius masalah pesawah yang terpaksa menanggung kerugian berikutan masalah padi angin.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man berkata, pihaknya akan memanjangkan perkara tersebut kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mencari mekanisme terbaik menyelesaikan masalah tersebut.

Dalam masa sama, Azlan turut memberi jaminan membawa perkara ini kepada pihak berwajib sekurang-kurangnya golongan petani yang mengalami kerugian itu mendapat bantuan.

“Saya difahamkan padi angin ini sudah tidak tahan kebal dengan racun yang digunakan dan sehingga tahap ini racun tersebut sudah tidak memberi kesan.

“Dalam mengatasi masalah ini, bukan sekadar pendekatan memberi bantuan sahaja tetapi ia mesti disertai dengan kajian bagaimana untuk mengatasi masalah padi angin ini dalam jangka masa panjang,” katanya ketika ditemui selepas Program Bantu Rakyat di Kampung Katong, di sini hari ini.

Semalam Utusan Online melaporkan kira-kira 7,000 pesawah membabitkan kawasan seluas 15,000 hektar di negeri ini dan Kedah terjejas apabila kawasan tanaman padi mereka berdepan dengan masalah padi angin.

Sementara itu, Pengarah Pertanian negeri, Zulkefli Amin Mat Jusoh berkata, penggunaan benih padi yang disahkan oleh pihak berkuasa sahaja tidak menjamin untuk pesawah menangani masalah padi angin jika mereka tidak melaksanakan amalan pertanian ladang yang ditetapkan.

“Pesawah sepatutnya membiarkan jerami selama seminggu dan selepas itu meracun apabila padi angin mula tumbuh.

“Amalan pertanian ladang ini jika dilakukan berserta penggunaan benih padi yang sah oleh pihak berkuasa (Jabatan Pertanian) boleh menangani masalah padi angin.

“Amalan tersebut juga boleh mengatasi penyakit padi yang lain seperti karah batang yang sering terjadi ketika cuaca tidak menentu seperti sekarang,” katanya.

Ketua Cawangan Komunikasi Korporat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Mohd. Hafizi Zakaria berkata, masalah tersebut didapati berpunca daripada faktor taburan hujan yang meningkat pada Ogos sehingga November tahun lalu selain penggunaan benih kurang berkualiti yang menjadi penyebab kepada masalah padi angin.

Sebelum itu, lebih 30 pesawah di Kampung Belat Batu di sini, kerugian hampir RM200,000 selepas tanaman mereka yang diusahakan di kawasan seluas 115 hektar di situ, berdepan dengan masalah padi angin.

Masalah sama turut dilaporkan di Sungai Baru Tengah, Simpang Empat baru-baru ini dengan lebih 16 petani di kawasan seluas 33 hektar itu terpaksa menanggung kerugian mencecah RM70,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	KOSMO	NEGARA	15

APMM tahan dua bot nelayan tempatan guna pukak bubu naga tangkap ikan

GEORGE TOWN - Maritim Malaysia (APMM) menahan dua buah bot nelayan tempatan apabila disyaki menggunakan pukak bubu naga bagi menangkap ikan di kedudukan 0.6 dan 1.1 batu nautika Tenggara, muara Sungai Kuala Muda di sini semalam.

Kesemua nelayan yang terdiri daripada dua tekong bersama enam awak-awak warga tempatan turut ditahan anggota agensi terbabit semasa operasi rondaan dijalankan selama 20 minit bermula pukul 5.30 pagi.

Suspek berusia lingkungan 20-an hingga 40-an itu ditahan ketika berada di atas bot masing-masing.

Difahamkan pukak bubu naga yang biasanya bersaiz sepanjang lima hingga 10 meter setiap satu mudah digunakan kerana ia hanya perlu diletakkan di laut dan nelayan hanya perlu pergi mengutip hasil pada setiap pagi.

Mata pukak itu juga dikatakan jauh lebih kecil hingga mengakibatkan anak-anak ikan dan udang mudah masuk ke perangkap jaring terbabit.

Bagaimanapun, penggunaan bubu naga ini dilarang kerana dilaporkan boleh menjejaskan



ANGGOTA APMM memeriksa bot nelayan tempatan yang disyaki menggunakan pukak bumbu naga ketika menangkap ikan di muara Sungai Kuala Muda semalam.

habitat marin.

Timbalan Pengarah Operasi Daerah Maritim 2 Pulau Pinang, Komander Maritim Hamizan Harun berkata, pemeriksaan mendapati nelayan terbabit disyaki telah melakukan kesalahan kerana menggunakan peralatan menangkap ikan tanpa kebenaran.

"Kedua-dua bot tersebut ditahan bersama hasil tangkapan lebih kurang 40 kilogram udang dan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin di Batu Uban, di sini untuk siasatan dan tindakan lanjut.

"Kesemua mereka ditahan bagi membantu siasatan berhubung penggunaan pukak bubu naga yang dilarang dalam aktiviti tangkapan ikan mengikut Akta Perikanan 1985," katanya katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai aktiviti jenayah atau kecemasan di laut boleh disalurkan melalui talian kecemasan 24 jam MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang di talian 04-2626 146.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	SIHAR HARIAN	UTARA	38

Sindiket curi sarang walit tumpas

ALOR SETAR - Polis menumpaskan sindiket curi sarang burung walit susulan penahanan 14 individu dalam Op Walit dijalankan sekitar Alor Setar dan kawasan sempadan bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Mohd Rozi Jidin berkata, pihaknya menahan tujuh individu dalam operasi pertama oleh pasukan khas ditubuhkan 20 Disember

lepas.

“Penahanan itu membawa kepada tangkapan tujuh lagi suspek termasuk seorang wanita, menjadikan keseluruhan tangkapan 14 orang berusia antara 18 hingga 35 tahun.

“Kita melancarkan Op Walit berikutan menerima banyak laporan polis berhubung kes kecurian sarang burung walit daripada pengusahanya di premis mereka,”

katanya.

Menurutnya, kesemua individu ditahan terlibat dalam 40 kes curi sarang burung walit melibatkan kerugian sekitar RM480,000 di daerah Kota Setar, Kuala Muda dan Pendang.

Rozi berkata, sindiket menggunakan modus operandi memecah masuk premis sarang burung walit yang tiada penjaga ketika lewat malam.

Headline	Malaysia in final discussions with China over lifting of ban		
MediaTitle	New Straits Times (Sabah and Sarawak)		
Date	18 Jan 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	24,000
Page No	2	Readership	72,000
Language	English	ArticleSize	273 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,590
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,770



BIRD'S NEST EXPORT

Malaysia in final discussions with China over lifting of ban

MUKAH. Malaysia and China are in the final stage of negotiations to lift the ban on the export of raw walet bird's nests to China.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek said his ministry had signed an agreement protocol to resolve the issue, which allowed the Veterinary Services Department to evaluate the bird's nests to ensure that they met the standards.

"We must follow the standard operating procedures and ensure that the bird's nests meet the requirements in order to export to China.

"We are in the final stage of negotiations and expect a positive result within a few months," he said after visiting a swiftlet farm here recently.

Shabery said the move to lift the ban would not affect processed or ready to eat bird's

nests because of the high demand from China.

Malaysia exports about 60 tonnes of processed walet bird's nests each year.

"We (the government) believe the industry can be a new source of wealth which will contribute to economic growth. Thus, we need to further develop the industry.

"I would like to call upon industry players to produce quality bird's nests," said Shabery.



A swiftlet farm in Mukah. PIC BY HARUN YAHYA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2018	SUN	NEWS	10

Fate of abused dog Furby uncertain

PETALING JAYA: The fate of abused dog Furby remains in limbo a week after a Singaporean businessman was fined RM8,000, in default eight-months' jail, by the magistrate's court here for animal abuse.

Furby's owner M. Siva who works as a head security guard in Taman Melody, Puchong said the Selangor Veterinary Department has yet to give him a bill for Furby's upkeep while under the department's care.

"The department said that it needed some time to finalise the bill. Once they have decided they will notify me," he told *theSun*.

Meanwhile, the Selangor Veterinary Department had earlier said that the matter of returning Furby to its owner is complicated as a few people were listed as its owner.

On Jan 8, the Petaling Jaya magistrate court sentenced Yee Kok Chew, 57, after he pleaded guilty to hitting Furby at a residential area in Puchong at about 8.49pm on April 2, 2017.

The charge came under Section 44(1)(a) of the Animal Act 1953, read together with the Animal Act (Amendment 2013), is punishable with a fine of not more than RM50,000, or a one-year prison term, or both.

Closed-circuit television footage of the incident, which went viral on social media, caused outrage among netizens.

B R I E F S